

27 MAR 2002

Selangor-Konvensyen

LEBIH 5,000 PEMIMPIN DAN ANGGOTA BN S'GOR DIJANGKA HADIRI KONVENSYEN

SHAH ALAM, 27 Mac (Bernama) -- Lebih 5,000 pemimpin dan anggota parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) dijangka menghadiri Konvensyen BN peringkat Negeri Selangor yang akan diadakan di sini Jumaat ini.

Konvensyen itu yang akan diadakan di Dewan Raja Muda Musa, Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor di Seksyen 7 di sini, akan dirasmikan oleh Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo berkata konvensyen sehari itu bertujuan mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi di kalangan anggota BN dan mencari jalan mengatasinya demi memperkuatkan lagi persefahaman, kerjasama dan perpaduan antara anggotanya.

"Negeri Selangor adalah negeri pertama menganjurkan konvensyen seumpamanya yang tercetus daripada Konvensyen Barisan Nasional peringkat kebangsaan pada tahun lepas," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini hari ini.

Konvensyen itu diharap dapat dijadikan medan "pembakar semangat" di kalangan anggota-anggota BN negeri bagi mencapai matlamat "pembangkit sifar" menjelang pilihan raya umum akan datang, katanya.

Beliau berkata semua ketua BN Selangor akan membentangkan kertas kerja masing-masing yang akan menyentuh usaha-usaha memantapkan lagi BN negeri, strategi memenangi pilihan raya umum akan datang dan pendaftaran pengundi.

Antara acara yang akan diadakan pada konvensyen itu ialah persembahan kebudayaan termasuk paluan kompang, gendang India dan tarian singa, katanya.,

Pada majlis itu juga, beliau berkata Dr Mahathir akan melancarkan Buletin BN Selangor.

-- BERNAMA

KM RIZ RHM